

Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan Dan Pembentukan Akhlak Remaja

Siti Aisyah Kamaruddin¹ & Latifah Abdul Majid²

¹s.aisyah90@gmail.com & ²umilm@ukm.edu.my

¹Calon sarjana di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI. UKM

²Prof. Madya di Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Artikel ini bertujuan membentangkan hasil kajian peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin. Memandangkan keruntuhan akhlak yang berleluasa pada hari ini, maka RPWP menu buhkan satu badan kebaikan untuk membela nasib remaja yatim atau yatim piatu yang mempunyai masalah sosial untuk diberi perlindungan dan pendidikan akhlak yang baik oleh murabbi dan murabbiah di RPWP. Tujuan utama kajian ini adalah untuk pengenalpasti peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. Tinjauan dibuat terhadap 56 sampel remaja dengan menggunakan instrumen soal selidik yang disahkan kandungannya oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach Bahagian B dalam soal selidik adalah sangat tinggi iaitu (0.933). Pengumpulan data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) 22.0, dan penganalisisan data adalah secara analisis deskriptif berdasarkan peratusan min, sisihan piawai, dan interpretasi min. Dapatan kajian ini menunjukkan peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja pada tahap sederhana tinggi. Walau bagaimanapun, peranan yang diterapkan oleh murabbi dapat memberikan kesan yang positif dalam kehidupan responden. Implikasi kajian ini merumuskan bahawa peranan murabbi terhadap pembentukan akhlak remaja turut menyumbang kepada pembentukan akhlak remaja yang unggul berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Kata kunci: Murabbi, pembangunan, pembentukan, akhlak, remaja

Abstract

This article is written to acknowledge the study of teacher in the development and the formation of moral among teenagers in Rumah Pengasih Warga Prihatin. The significant deterioration of morality is worsen day by day, therefore RPWP has established a charity to defend the fate of the teenage orphans which has social problems to be given refuge and moral education by good teachers in RPWP. The main purpose of the study is to identify the role of the teacher in the development and the formation of moral among teenagers. A scout has been made towards a 56 sample of teenagers with the usage of questionnaire instrument which its contents has been identified by the reference of expert panel. The stage value alpha Cronbach of its trustworthiness in part B of the questionnaire is high (0.933). The data analysis is collected through *Statistical Package for the Sosial Sciences* (SPSS) 22.0, and the analysis of the data is used descriptively based on the percentage of the mean, standard deviation and the interpretation of mean. The final result of study shows the role of the techers in the development and the formation of the moral among teenagers are moderately significant. Nevertheless, the role of the teacher gives positive impact in the life of respondents. The implication of the study signified that the role of the teacher in the formation of moral among teenagers subsequently affect the formation of moral among excellent teenagers based on teachings of al-Qur'an and al-Sunnah.

Keywords: Teacher, development, formation, akhlaq, teenager

1. Pengenalan

Akhhlak mulia adalah sebahagian daipada pembentukan masyarakat Islam. Terbentuk daripada amalan, sifat adil, suka melakukan kebaikan, bersifat belas kasihan dan bersifat penyanyang kepada setiap orang. Selain itu, bercakap benar, amanah, sabar, menepati janji, mulia dan pandai menjaga maruah diri serta maruah orang lain juga adalah akhlak yang mulia.

Dalam Islam, peranan dan tanggungjawab guru atau pendidik sangat penting dalam mendidik remaja untuk menjadi remaja yang berakhhlak. Sebagai contoh Baginda Rasulullah s.a.w. adalah seorang pendidik yang terulung dalam membentuk umat Islam menjadi manusia yang berilmu, beriman, beramal dan bertakwa.

Pada masa kini isu-isu yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak remaja sangat membimbangkan. Kajian-kajian lepas membuktikan pelbagai masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia pada hari ini contohnya penyalahgunaan dadah, gangster, melepak, khawat, minum arak, lari dari rumah, gejala bohsia, pelacuran dan sebagainya (Zulkifli Mohd Yusoff 2004). Persoalan kajian yang timbul dalam kajian ini ialah apakah peranan murabbi terhadap pembangunan akhlak remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin. Namun, objektif utama untuk menyelesaikan masalah keruntuhan akhlak, kajian ini mengenalpasti peranan murabbi terhadap pembangunan akhlak remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin.

2. Pernyataan Masalah

Masalah sosial dalam kalangan remaja hari ini seperti kes zina, kes rogol, kes anak tidak sah taraf, kes remaja lari dari rumah dan seumpamanya menyentuh tanggungjawab ibu bapa, guru dan masyarakat dalam menangani isu ini untuk mengembalikan masa depan generasi yang bertamadun.

Menurut laporan akhbar dalam talian pernah melaporkan, kadar statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mencatatkan 81,000 anak luar nikah didaftarkan sehingga 2011. Manakala kajian penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) pula mendapati 300 remaja Melayu berusia 13 hingga 25 tahun terbabit dengan salah laku seksual dan seks bebas. Selain itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengeluarkan statistik pada 2010 yang menunjukkan kes remaja lari dari rumah meningkat sebanyak 4,097 remaja terbabit dengan kegiatan ini seawal usia 13 hingga 17 tahun. Remaja berumur 14 hingga 17 tahun adalah golongan yang paling banyak dilaporkan hilang terutamnya remaja perempuan. (Shuhada Mansor 2015).

Peningkatan statistik anak luar nikah yang didaftar membuktikan bahawa Malaysia sedang mengalami krisis akhlak yang sangat serius dan perlu ditangani dengan segera. Kelahiran anak tidak sah taraf ini merupakan kesalahan yang paling serius kerana ia telah merosakkan nasab dan bercanggah dengan ajaran Islam dalam mengembangkan zuriat secara halal. Selain itu, kelahiran anak tidak sah taraf boleh menimbulkan pelbagai bentuk kes jenayah yang lain seperti kes pembuangan bayi, bunuh diri, penderaan, kematian dan sebagainya kerana ia bertentangan dengan prinsip memelihara maqasid syariah iaitu memelihara nyawa, nasab, maruah, aqal dan harta (Azizah Mat Rashid @ Nor 'Adha Abd Hamid 2014).

Faktor-faktor sosial dalam kalangan remaja ialah faktor diri sendiri, latar belakang keluarga, persekitaran sekolah, rakan sebaya dan masyarakat yang merupakan asas utama dalam menentukan hala tuju masa depan remaja. (Zainudin Sharif @ Norazmah Mohamad Roslan 2011; Azyyati Mohd Nazim et al. 2013). Pusat pemulihan akhlak remaja memainkan peranan dalam pembangunan dan pembentukan akhlak remaja iaitu dengan melaksanakan pelbagai program yang boleh mengisi masa lapang sebagai contoh latihan masakan dan Pendidikan Islam (Ahmad et al. 2014). Dalam pada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga

menekankan aspek keagamaan seperti akidah, fiqh atau ibadah, akhlak dan tilawah dalam meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman agama terhadap penghuni serta memberi kesedaran awal mengenai kepentingan agama dalam kehidupan mengikut syariat Islam yang sebenar (Noor Hafizah & Fakhrul Adabi 2015). Selain itu, Pusat Perlindungan Raudhatus Sakinah mendapati kebanyakan penghuni yang terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak ialah berpunca daripada keterlibatan mereka di dalam aktiviti yang tidak bermoral seperti pujuk rayu teman lelaki dan ingin mengecapi kebebasan hidup (Azlina Muhammed 2012).

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dalam bentuk kajian tijauan dengan menggunakan soal selidik. Rumah Pengasih Warga Prihatin dipilih sebagai lokasi kajian berdasarkan dua perkara iaitu wujud remaja yang mempunyai masalah akhlak dan menepati ciri-ciri kajian ini terhadap pendekatan yang dibawa oleh Rumah Pengasih Warga Prihatin dalam membangunkan akhlak remaja. Kalangan remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin adalah remaja yatim atau yatim piatu yang mempunyai masalah keruntuhan akhlak. Oleh yang demikian, kajian peranan murabbi terhadap pembangunan akhlak remaja dijalankan terhadap 28 orang remaja perempuan dan 28 orang remaja lelaki yang berumur 12 hingga 24 tahun. Bagi menentukan saiz sampel yang dipilih, kajian ini merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) yang menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian. Oleh itu, data-data yang diperolehi daripada responden dianalisis mengikut objektif yang telah ditetapkan dengan menggunakan pendekatan kaedah *Statistical Package for the Sosial Science (SPSS) For Windows Version 22.0*.

4. Dapatkan Hasil Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden sangat setuju dengan item-item peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin. Hasil dapatan peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin dibincangkan berdasarkan jadual dibawah.

Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja.

Aspek akhlak sangat memberi kesan yang positif kepada responden dan sangat setuju sebanyak (98.2%). Pembangunan akhlak golongan remaja adalah satu tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan oleh para pendidik khususnya guru Pendidikan Islam. Mendidik generasi berakhlik mulia di dalam falsafah Pendidikan Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Zaharah Hussin 2005).

Rasulullah s.a.w. adalah sebagai contoh tauladan dalam semua aspek kehidupan peratusan ($\text{min}=3.93$, $\text{sp}=0.260$). Manakala, menahan marah dan memaafkan kesalahan rakan peratusan ($\text{min}=3.89$, $\text{sp}=0.312$) menjadi faktor kepada pembentukan akhlak remaja. Kajian sifat keperibadian dan peranan guru cemerlang mempunyai hubungan yang tinggi dengan motivasi pelajar. Oleh yang demikian, ciri keperibadian guru cemerlang merupakan aspek yang penting dan dapat memberi pengaruh yang positif kepada pelajar dalam membentuk motivasi pelajar dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran didalam kelas. Sifat kejujuran, mesra serta penyayang, menghormati pelajar dan menunjukkan contoh tauladan, menjauhi yang haram, sentiasa bersedia membantu, memberi motivasi, tawaduk, bimbingan serta adil kepada setiap pelajar tanpa

mengira kedudukan dan kepandaian, tidak mudah menghukum dan mendenda pelajar, memupuk sifat kerjasama antara pelajar, berdisiplin, sabar dan prihatin antara contoh yang terbaik untuk mendidik remaja supaya mempunyai akhlak yang mulia (Kamarul Azmi et al. 2009).

Selain itu, tugas dan tanggungjawab untuk mendidik remaja bukanlah terletak pada bahu guru sahaja. Terdapat juga faktor lain yang mendorong kepada pembangunan akhlak remaja. Sarimah (2012) telah mengkaji pengaruh amalan guru Pendidikan Islam terhadap penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah adalah pada tahap yang sederhana kerana mendapat wujud pengaruh lain iaitu pengaruh didikan ibu bapa, persekitaran, faktor diri pelajar sendiri, rakan-rakan, media massa dan teknologi maklumat. Hal ini menunjukkan wujudnya peranan lain selain guru yang berperanan dalam membentuk akhlak remaja dan bukan terletak pada tanggungjawab guru sahaja dalam memastikan emosi, rohani dan jasmani remaja stabil dalam perkara yang berkaitan dengan dunia dan ukhrawi. Berbeza pula dengan kajian Sahariah (2012) terhadap kaitan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam terhadap pegangan nilai akhlak pelajar iaitu secara keseluruhannya adalah berada pada tahap tinggi berdasarkan 5 aspek iaitu *mudarris, mu'allim, muaddib, murabbi dan mursyid*.

Bagaimanapun, tugas guru tidak boleh dipisahkan dengan tugas sebagai seorang daie. Tanggungjawab pendidik dan daie adalah merangsang kesedaran tentang kepentingan ilmu pengetahuan supaya wujud rasa keinsafan dalam diri setiap individu. Kesedaran ini penting dalam meningkatkan taraf sosial, ekonomi, pengetahuan ilmu-ilmu yang ada di atas muka bumi ini supaya umat Islam disegani dan dihormati oleh umat lain (Ahmad Tarmizi @ ab. Halim Tamuri 2013). Justeru, dalam pembangunan akhlak remaja halal haram pemakanan yang di ambil amat penting kerana ia menjadi darah daging yang akan mengalir dalam diri manusia. Oleh itu, murabbi menekankan perhatian yang sepenuhnya terhadap pengambilan pemakanan yang halal untuk membentuk akhlak yang baik iaitu peratusan (min=3.88, sp=0.429).

Secara keseluruhannya, peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja adalah sederhana tinggi iaitu (min=3.83) hingga (min=3.98) responden menunjukkan peranan murabbi memberi kesan yang positif dalam pembangunan dan pembentukan akhlak remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin.

Melalui hurai-hurai mengenai peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja di Rumah Pengasih Warga Prihatin dapat disimpulkan majoriti remaja sangat setuju terhadap peranan murabbi dalam pembangunan akhlak yang dibawa oleh murabbi di Rumah Pengasih Warga Prihatin. Oleh itu, secara tidak langsung rumah-rumah pelindungan yang terdapat di Malaysia boleh jadikan Rumah Pengasih Warga Prihatin sebagai rujukan untuk menambahbaik dan menyuntik idea untuk dilaksanakan di pusat masing-masing.

Jadual 1 Taburan peratusan, min dan sisihan piawai terhadap pembangunan akhlak remaja

Sub konstruk	modul	Peranan	STS	TS	S	SS	Min	S.P	Tahap Interpretasi
--------------	-------	---------	-----	----	---	----	-----	-----	--------------------

Aspek Akhlak

Murabbi sentiasa menasihati supaya bersegera membantu guru-guru yang memerlukan pertolongan tanpa diminta	-	-	1.8% (1)	98.2% (55)	3.98	.134	Sederhana Tinggi
---	---	---	-------------	---------------	------	------	------------------

Murabbi menasihati supaya sentiasa mencegah rakan-rakan dari melakukan perkara maksiat	-	-	1.8% (1)	98.2% (55)	3.98	.134	Sederhana Tinggi
murabbi sentiasa mengingatkan saya menutup aurat sebagaimana yang diwajibkan di mana sahaja saya berada	-	-	3.6% (2)	96.4% (54)	3.96	.187	Sederhana Tinggi
Murabbi mendidik supaya saya sentiasa berlapang dada menerima teguran rakan-rakan yang memperbetulkan kesalahan saya	-	-	3.6% (2)	96.4% (54)	3.96	.187	Sederhana Tinggi
Murabbi mendidik saya dengan memberikan teguran dan nasihat dalam melaksanakan perkara-perkara yang baik seperti bercakap benar, menghormati yang tua, menyayangi yang muda dan berlemah lembut apabila berbicara	-	-	3.6% (2)	96.4% (54)	3.96	.187	Sederhana Tinggi
Murabbi menasihati saya supaya tidak meninggikan suara atau berbahasa kasar semasa berbicara dengan guru, rakan-rakan dan jiran	-	-	5.4% (3)	94.6% (53)	3.95	.227	Sederhana Tinggi
Murabbi mendidik saya dengan menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai contoh tauladan dalam semua aspek kehidupan	-	-	7.1% (4)	92.9% (52)	3.93	.260	Sederhana Tinggi
Murabbi menasihati saya supaya menahan marah dan memaafkan kesalahan rakan saya	-	-	10.7% (6)	89.3%	3.89	.312	Sederhana Tinggi
Murabbi memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada kehidupan saya sehingga saya mempunyai akhlak yang baik	-	3.6% (2)	5.4% (3)	91.1% (51)	3.88	.429	Sederhana Tinggi
Murabbi mementingkan pengambilan makanan halal dalam amalan pemakanan saya	-	3.6% (2)	5.4% (3)	91.1% (51)	3.88	.429	Sederhana Tinggi
Murabbi mendidik saya mengucap salam apabila bertemu dengan guru, rakan, jiran dan masyarakat	-	-	10.7% (6)	89.3% (50)	3.83	.312	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan	3.92						Sederhana Tinggi

STS- Sangat Tidak Setuju

TS- Tidak Setuju

S- Setuju

SS- Sangat Setuju

S.P- Sisihan Piawai

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, peranan agama dalam kehidupan manusia sebagai khalifah Allah dan pemegang amanah adalah satu tanggungjawab yang sangat besar yang perlu dilaksanakan oleh hambaNya. Unsur-unsur yang membentuk manusia menjadi umat yang bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara pada hari ini adalah seperti unsur *qalb*, *aql* dan *nafs* yang dilihat berperanan untk menghalang manusia daripada terjebak dengan gejala yang tidak bermoral dan kaedah penyucian jiwa seperti berzikir, solat lima waktu, bersabar dengan ujian hidup dan perbanyakkan muhasabah diri serta sentiasa mendekatkan diri kepada Allah. Peranan murabbi dalam Pendidikan Islam adalah peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. Dalam kajian ini mendapati peranan murabbi terhadap pembangunan akhlak remaja menunjukkan remaja bersetuju terhadap apa yang diterapkan oleh murabbi dalam menjalani kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Rujukan

- Ahmad Esa, Zarina @ Siti Aishah Abd Aziz & Nurul Haerani Mohamad. 2011. Pengintegrasian Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 1–16.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2015. *Mengenali Kuantitatif & Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Universiti kebangsaan malaysia.
- Ahmad Tarmizi Abu Bakar & Ab. Halim Tamuri. 2013. Guru Pendidikan Islam (GPI) Sebagai Pendidik dan Daie Sepanjang Zaman: Satu Analisis. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Mat Rashid & Nor ‘Adha Abd Hamid. 2014. Undang-Undang Jenayah Syariah: Suatu Sorotan Berhubung Kesalahan Akhlak. Kolej Universiti Islam Kebangsaan.
- Azlina Muhammed. 2012. Penghuni Raudhatus Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang dan Faktor Salahlaku. Tesis Ijazah Sarjana Usuluddin. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Azzyati Mohd Nazmi, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2013. Ciri-ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi, Abd Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Hafizah Mohd. Haridi & & Fakhru Adabi Abd. Kadir. 2015. Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) : Analisis Permasalahan. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 87–100.
- Rabiahutul Adauwiyah Arifin. 2014. Pembentukan Keluarga Ideal Menurut Islam dalam Kalangan Ibu Tunggal di Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shuhada Mansor. 2015. Statistik Moral Remaja Kita. *Harian Metro*. 11 Mac.

- Wan Nor Adibah Binti Wan Ahmad. 2015. Pembentukan Jati Diri Muslim Melalui Pengamalan Modul Sahsiah Unggul Murid di Hulu Langat dan Sepang, Selangor. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yuseri Ahmad, Sapora Sipon & Marina Munira Abdul Mutalib. 2010. Peranan Kerohanian dalam Menangani Gejala Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 11: 137-154.
- Zaharah Hussin. 2005. Mendidik Generasi Berakhlaq Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Universiti Teknologi Mara Melaka.
- Zulkifli Mohd Yusoff. 2004. Gejala Sosial dalam Komuniti: Satu Sorotan Penyelesaian dari Perspektif Wahyu. Universiti Utara Malaysia.